

TARIKH	22 / 04 / 2014	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	23	RUANGAN	

MERS-CoV: Tiada kes baharu dilaporkan

KUALA LUMPUR 21 April - Tiada kes dan kluster jangkitan baharu melibatkan Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-CoV) dilaporkan di seluruh negara, menjadikan jumlah kumulatif sindrom berkenaan kekal dengan satu kes kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, tiada sampel baharu diambil hari ini dan semua kontak di bawah pengawasan pihaknya berada dalam keadaan sihat.

"Susulan kejadian satu kes kematian yang disahkan dijangkiti

MERS-CoV di Johor, Kementerian Kesihatan telah menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan di setiap peringkat.

"Aktiviti pengesanan kontak dan pemantauan masih dijalankan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, seramai 79 orang diletakkan di bawah pemantauan rapi oleh kementerian di rumah masing-masing kerana disyaki terkena jangkitan MERS-CoV.

Mereka yang diletakkan di bawah pemantauan itu terdiri daripada 15 jemaah yang menaiki

pesawat bersama-sama seorang jemaah yang meninggal dunia akibat jangkitan tersebut dan 64 lagi merupakan penduduk Kampung Bintang Laut di Batu Pahat, Johor iaitu kampung jemaah tersebut.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, kementerian akan terus memantau situasi penyakit berkenaan dan sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"Maklumat terkini berkaitan jangkitan MERS-CoV boleh diperolehi dari laman web www.moh.gov.my," kata beliau.